

UM 21 NOV 1999

# Terima calon BN walaupun

JITRA 20 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta para penyokong Barisan Nasional (BN) menerima calon-calon parti itu yang diletakkan bertanding pada pilihan raya umum 29 November ini, walaupun sesetengah mereka adalah muka baru.

Menurut Perdana Menteri, calon-calon tersebut merupakan mereka yang telah dipilih oleh pucuk pimpinan parti selepas mengambil kira pandangan pemimpin di peringkat cawangan dan bahagian.

Katanya, mereka yang dipilih itu adalah calon yang difikirkan paling sesuai kerana mereka telah melalui proses tapisan daripada peringkat bawah lagi.

“Oleh itu berilah kepercayaan kepada orang yang telah dipilih itu,” katanya ketika ditemu ramah oleh Radio Malaysia Kedah di Mini Studio K3P di Pejabat Daerah Kubang Pasu, di sini hari ini.

Terdahulu Perdana Menteri menyerahkan borang pencalonan untuk bertanding di Parlimen Kubang Pasu di pejabat daerah tersebut yang menjadi pusat penamaan calon bagi kawasan Parlimen Kubang Pasu dan Dewan Undangan Negeri Tunjang dan Jitra.

Dr. Mahathir turut mempertahankan langkah parti menggugurkan sesetengah calon lama untuk memberi peluang kepada muka baru bertanding pula.

## muka baru — PM

Muka baru, katanya, perlu dibawa masuk kerana mereka mempunyai kemampuan dan idea baru serta boleh membantu memperkuatkan lagi parti.

“Dalam sesuatu badan perlu ada muka baru, jika semua orang lama badan itu boleh menjadi usang dan prestasi kita akan merosot,” ujarinya.

Sehubungan itu, katanya, sesetengah wakil rakyat perlu digugurkan untuk memberi laluan kepada muka baru bertanding pada pilihan raya kali ini.

“Sesetengah daripada mereka masih mampu dan cergas tetapi kalau tidak digugurkan maka tidak ada orang lain yang dapat bertanding,” katanya.

Mengenai muka baru yang mungkin tidak dikenali oleh penduduk tempatan, Perdana Menteri menjelaskan, mereka mungkin tidak mengenalinya secara dekat.

Tetapi katanya, pucuk pimpinan parti telah meneliti calon tersebut yang namanya dicadangkan oleh pemimpin di sesuatu tempat itu yang diyakini mempunyai kebolehan dan kewibawaan.

“Bila kita gabungkan mereka dalam satu badan dan badan ini membentuk kerajaan, kita akan menggembelngkan orang ini dan kita dapat membentuk sebuah kerajaan yang cekap,” jelasnya.